

Cahayakan Rumahmu

Daripada Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَوِّرُوا مَنَازِلَكُمْ بِالصَّلَاةِ، وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ.

Maksudnya: “Cahayakanlah rumah-rumah kamu dengan solat dan bacaan al-Quran.”

Riwayat al-Baihaqi dalam *Kitab Syu'ab al-Iman* (2/358)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Dalam hadis ini ditekankan dua perkara:
 - i. Solat sama ada fardu atau sunat.
 - ii. Bacaan al-Quran.

2. Tatkala Allah SWT menyebutkan orang-orang yang beriman, Allah menyebutkan bahawa mereka adalah orang-orang yang mendirikan sembahyang. Dan apabila Allah menyebutkan orang-orang munafik, maka Allah SWT akan menyebutkan bahawa mereka adalah orang-orang yang melaksanakan sembahyang. Ini kerana orang Islam itu terbahagi kepada dua golongan:
 - i. Adalah mereka yang mendirikan sembahyang.
 - ii. Adalah mereka yang melaksanakan sembahyang.

3. Oleh yang demikian, orang yang hanya melaksanakan sembahyang dan belum mendirikannya, sembahyangnya itu tidak akan dapat mencegahnya daripada perbuatan yang keji dan mungkar. Sementara orang yang mendirikan sembahyang, maka sembahyangnya itu akan mencegahnya daripada perbuatan keji dan mungkar. Allah SWT berfirman:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya: *Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar.*

(Surah al-Ankabut: 45)

4. Kita mungkin akan mengatakan: Bagaimana dengan orang yang melaksanakan sembahyang, sementara dia aktif menghisap ganja, morfin dan sejenisnya? Bagaimana juga dengan orang yang melakukan sembahyang, tetapi dia tetap berzina dan mencuri? Maka jawabannya adalah kerana dia hanya melaksanakan sembahyang, belum sampai tahap mendirikan sembahyang.
5. Adapun yang dimaksudkan dengan mendirikan sembahyang, kerana sentiasa meresapi dan menghayati makna segala gerak-gerinya dalam sembahyang, mulai dari khusyuk, tawaduk, wuduk (kebersihan), keikhlasan, ketika rukuk, ketika sujud dan ketika berzikir, begitu juga dengan rohnya (nyawanya) yang sentiasa hadir dalam sembahyang tersebut.
6. Syeikh Abdullah Nasih Ulwan berkata: Perhatian orang dahulu terhadap kesedaran pemikiran. Kesedaran pemikiran ini kita ambil dari apa yang diriwayatkan oleh al-Tabarani dan Sayidina Ali: *Ajarlah anak-anakmu tiga perkara, Kasihkan Nabi SAW dan keluarganya dan mengajar membaca al-Quran.*
7. Ulama-ulama silam sangat mengambil berat kesedaran ini sehingga mereka mewajibkan anak-anak belajar al-Quran, mengajar tentang peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW dan kebanggaan generasi lampau. Inilah antara pesanan mereka terhadap perkara tersebut.
8. Saad bin Abi Waqqas R.Anhuma berkata: *Kami mengajar anak-anak kami mengenai peperangan yang dilalui oleh Rasulullah SAW dan juga kami mengajar mereka al-Quran.* Imam al-Ghazali berwasiatkan dalam *Ihya'nya*, dengan mengajar anak-anak al-Quran, hadis-hadis, cerita-cerita tentang

orang-orang yang soleh juga hukum agama.

9. Ibn Khaldun dalam kitabnya, *al-Mukadimah* telah menyarankan betapa pentingnya mengajar dan menyuruh anak menghafaz ayat-ayat al-Quran dan menerangkan bahawa mengajar al-Quran adalah merupakan asas pengajaran seluruh sukatan pelajaran yang lain bagi semua negara Islam kerana ia merupakan syiar agama yang lebih membawa kepada keteguhan iman.
10. Hisyam bin Abdul Malik telah menasihatkan guru kepada anaknya supaya mengajar al-Quran dan syair-syair yang bermutu. Juga ucapan-ucapan yang bernas, mengajar akhlak-akhlak yang mulia dan cara bergaul dengan manusia. Kata-kata dan pesanan-pesanan ini memberikan kita gambaran yang jelas mengenai kesedaran yang bersungguh-sungguh dalam masyarakat Islam yang lampau sama ada mereka pemerintah atau rakyat, para ulama atau orang awam, guru ataupun murid.
11. Justeru sewajarnya kita mendampingi diri dengan al-Quran supaya ianya menjadi pedoman dan petunjuk dalam kehidupan kita kerana ianya merupakan kitab suci yang maha agung yang mempunyai banyak khazanah ilmiah dan mutiara hikmah yang boleh dijadikan panduan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Abdullah bin al-Mubarak berkata:** Orang-orang soleh suka mengkhataamkan al-Quran di musim kemarau pada siang hari, dan di musim hujan (dingin) di waktu malam supaya doa malaikat kepada mereka lebih lama dan lebih banyak.
- ❖ **Pujangga berkata:** Faedah membaca itu sungguh banyak, di antaranya melancarkan lidah, mengembangkan akal, menjernihkan fikiran, menghilangkan keresahan, mengambil pelajaran dari berbagai pengalaman, memetik nilai-nilai keutamaan.

Kisah Teladan

Khubaib bin Adi R.Anhuma pernah ditawan oleh orang kafir di sebuah rumah yang tidak berbumbung dan mereka memasukkannya ke dalamnya supaya tubuhnya dibakar sinar matahari. Namun imannya telah meringankan penderitaannya. Seorang penyair berkata:

*Dia berasa lapar,
Namun imannya telah membuat dirinya tetap berasa kenyang.
Dia berasa haus dahaga,
Namun imannya dapat menghilangkan rasa dahaganya.*

Salah seorang perempuan yang tergolong keluarga kepada Khubaib bin Adi R.Anhuma ini berkata: “Semoga Allah menurunkan rahmat kepada Khubaib. Demi Allah, aku pernah melihatnya tatkala dikurung di Mekah dalam sebuah rumah kosong yang tidak berbumbung, namun demikian dia dapat memakan buah anggur dari semasa ke semasa. Aku tidak tahu dari manakah dia memperoleh buah anggur itu.” Allah SWT berfirman:

كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَمْرَأَتُ إِنِّي لَلِ هَذَا
قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Setiap kali Nabi Zakaria masuk untuk menemui Maryam di mihrab, ia dapati makanan disisinya. Nabi Zakaria bertanya: “Hai Maryam, dari manakah kamu memperoleh (makanan) ini?” Maryam menjawab: “Makanan itu dari sisi Allah.” Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya tanpa hisab.

(Surah ali-Imran: 37)

Memandangkan hukuman itu tidak memberi kesan kepada Khubaib bin ‘Adi R. Anhuma, maka orang-orang kafir Mekah mengheretnya keluar menuju tiang tali gantung.

Mereka ingin membunuhnya, menggantung mayatnya di atas tiang dalam keadaan disalib sambil menikmati permandangan tubuhnya yang telah disalib tersebut. Apakah kesalahan Khubaib sehingga diperlakukan demikian? Apakah dia pernah mencuri? Benarkah mereka akan membunuhnya? Allah SWT berfirman:

أَفْتُلُونَ رَجُلًا أَنْ يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ

Maksudnya: *Apakah kamu akan membunuh seorang lelaki (hanya) kerana dia menyatakan: “Tuhanku adalah Allah.”*

(Surah al-Mu'min: 28)

Orang-orang kafir berhimpun beramai-ramai di sebuah perkampungan di pinggir kota Mekah untuk menyaksikan pembunuhan kejam ke atas Khubaib R. Anhuma. Ketika itu, dia berkata: “Sudikah kalian memberiku waktu sekejap sahaja agar aku dapat melaksanakan solat dua rakaat sebelum kalian membunuhku?” Mereka menjawab: “Silakan... engkau solatlah terlebih dahulu.”

Khubaib pun mengambil wuduk. Dia tahu bahawa setelah mengerjakan solat dua rakaat dia akan mati dibunuh. Lalu dia melaksanakan solat sunat dua rakaat dengan cepat. Dan setelah selesai mengucapkan salam, dia terus berkata: “Demi Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia! Kalaulah bukan kerana aku khuatir bahawa kalian akan mengatakan: “Aku sengaja memperpanjangkan solat kerana aku takut kematian, pastilah akan aku memperpanjangkan solatku.”